

Pakej mengelirukan, kos murah tidak masuk akal

Kuala Lumpur: Permintaan terlalu tinggi rakyat Malaysia untuk melancong ke luar negara dipercayai menjadi punca kegiatan perniagaan pakej pelancongan wujud di negara ini.

Pengarah Urusan Five Estec Travel, Sharizan Mohd Saad, berkata keinginan rakyat Malaysia itu diambil peluang oleh individu atau syarikat tertentu yang mencipta pakej murah dan tidak munasabah berdasarkan kos semasa.

"Kes terbaharu membabitkan

pakej ke Eropah bernilai RM6,000 dan jika dilihat harga yang ditawarkan itu adalah murah dan dalam lingkungan harga semasa seperti yang ditawarkan agensi lain.

Pakej tidak logik

"Tetapi pihak ini menawarkan harga itu dengan pakej *buy one free one*.

"Pakej dan harga ini adalah amat tidak logik dan sebagai pelanggan apa yang anda harapkan dengan

bayaran RM3,000 seorang untuk melancong ke Eropah. Tiket perniagaan sahaja adalah sekitar RM1,800 seorang," katanya kepada BH.

Lebih peka dengan tawaran

Sharizan berkata, orang ramai sepatutnya lebih peka dengan tawaran yang terlalu murah ini walaupun terdapat testimoni dari pada kenalan lain atau gambar menarik yang dipaparkan ejen ter-

"Berfikir secara logik adakah pakej serendah RM5,000 mampu menyediakan satu pelancongan yang menarik buat anda dan apa sebenarnya yang tersirat dalam pakej ini," katanya yang sudah 15 tahun berpengalaman dalam bidang itu.

Bagaimanapun, katanya, ada pakej murah yang ditawarkan agensi namun pelanggan juga perlu membuat kajian mendalam sebelum mengalami kerugian lebih besar.



Sharizan Mohd Saad